

Kursus Bagi Meningkatkan Kebolehpasaran Kerja Para Graduan Fakulti Sains dan Sumber Alam



Fakulti Sains dan Sumber Alam telah menganjurkan Kursus Pemasangan, Pengoptimuman Dan Pengukuran Sistem Solar Fotovoltex dan juga Kursus Perlindungan Sinaran pada 20, 21 dan 23 hb. Oktober 2014. Kursus berkenaan dianjurkan bagi menambah pengetahuan teknikal dan juga ilmiah para pelajar dalam dua bidang pekerjaan penting di Malaysia iaitu tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) khususnya sel fotovoltex dan juga kaedah-kaedah perlindungan sinaran.

Kursus berkenaan telah dihadiri oleh 18 pelajar tahun akhir daripada Program Fizik Dengan Elektronik, Program Sains Sekitaran dan Program Kimia Industri. Kursus telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Jedol Dayou merangkap Pengerusi Penganjur, Prof. Madya Dr. Lee Ping Chin, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi bin Arshad, Encik Ag. Sufiyah Abdul Hamid selaku penyelarar modul sel fotovoltex, Puan Rubena Yusoff selaku penyelarar modul Perlindungan Sinaran dan Puan Fairendy Fairuz. Dengan adanya pengetahuan teknikal dan juga ilmiah dalam sel fotovoltex dan perlindungan sinaran, adalah diyakini akan menambah kebolehpasaran para graduan UMS khususnya daripada Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Jawatankuasa Penganjur

Penaung : Prof Madya Dr. Baba Musta
Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam

Penasihat : Dr. Saafie Salleh
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Sains dan Sumber Alam

Prof. Madya Dr. Zaleha Aziz
Pensyarah Bioteknologi Tumbuhan, Fakulti Sains dan Sumber Alam

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Jedol Dayou
Ketua, Kumpulan Penyelidikan Tenaga, Getaran dan Bunyi (e-VIBS), Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Penyelaras : Modul Sel Fotovoltex - Encik Ag.Sufiyah Abdul Hamid
Modul Perlindungan Sinaran - Puan Rubena Yusoff

Sektariat : Cik Kartini Sukarno

